


Khazanah keris Bugis di pameran NUS



TERIMA HADIAH: Duta Besar Indonesia, Encik Andri Hadi (*kanan*) menerima hadiah daripada Encik Andi Mohamad Irvan Zulfikar, daripada Kelab Polobessi Bugis-Makassar sempena Pameran 'Semangat Logam' yang menampilkan keris Bugis Makassar di Perpustakaan Pusat Universiti Nasional Singapura. Pameran berakhir hari ini. – Foto ihsan JABATAN PENGAJIAN ASIA TENGGARA NUS

SEBAHAGIAN khazanah Bugis Makassar seolah-olah 'diturunkan' ke Singapura.

Demikianlah yang terpapar pada pameran sekitar 150 keris Bugis-Makassar daripada pelbagai jenis di sudut Perpustakaan Pusat Universiti Nasional Singapura (NUS) yang bermula 27 Ogos lalu dan berakhir 4 September lalu.

Menurut Encik Ismunandar daripada Kedutaan Besar Indonesia di Singapura, pameran *Spirits of Metal* (Semangat Logam) diadakan dengan kerjasama Rumah Budaya Indonesia di Singapura, Jabatan Pengajian Asia Tenggara (DSASNUS), Kelab Polobessi Bugis-Makassar dan Yayasan Keris Singapura.

Ia merupakan pameran istimewa pertama keris atau senjata Bugis-Makassar di luar negara.

Jelas pakar budaya dan keris, Encik Andi Mohamad Irvan Zulfikar, dari Kelab Polobessi Bugis-Makassar, bahawa sejak 2005, Unesco (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu) telah mengisytiharkan Keris Indonesia sebagai antara Mahakarya Warisan Manusia.

Pengiktirafan jagat itu menguatkan azam masyarakat Bugis mahu terus melestari dan memajukan nilai dan khazanah budayanya, termasuk persenjataan tradisional.

Tetamu terhormat, Duta Besar Indonesia ke Singapura, Encik Andri Hadi, dalam ucapannya, antara lain menyebut per-

anan para pelaut gagah asal Pulau Sulawesi diakui di wilayah laut Asia Tenggara.

Namun, tambahnya, sering terdapat tanggapan salah bahawa para pelaut itu merupakan lanun dan pedagang hamba.

Selain pameran dan acara persembahan seni, termasuk persilatan seperti bertikam keris dalam kelambu, kegiatan itu turut mengupas pengaruh Bugis pada zaman awal Singapura sehingga penjajahan British dan rahsia keris Bugis.

Menurut Dr M Effendy A Hamid dari DSAS, pengaruh Bugis cukup besar di Singapura sehingga para pentadbir British yang awal seperti Sir Stamford Raffles berasa segan.

Para pelaut dan pembesar-pedagang Bugis yang arif pelayaran, strategi siasah dan pertahanan termasuk menggunakan senjata api seperti meriam telah menyumbang kepada keamanan perairan Singapura.

Dr M Effendy mendapati daripada laporan akhbar dan catatan rekod zaman awal pembukaan moden Singapura bahawa pedagang Bugis telah memajukan ekonomi Singapura dan terlibat dalam proses kesadaran semangat watan seperti dalam peranan hartawan Ambo Sooloh.

Encik Andi Mohamad dan Dr Ahmad Ubbe, peneliti kebudayaan dan sejarah Bugis, telah memberikan ceramah mengenai keris Bugis. Antara lain, terdapat jalinan budaya dan rohani antara insan Bugis dengan kerisnya yang dianggap melambangkan cerminan peribadinya.

► MOHD RAMAN DAUD